

**IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mempelawa calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni).

MAKLUMAT JAWATAN

Nama Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: Gred Utama C (VU7)
Jumlah Gaji	: Minimum RM 7,990.00 Maksimum RM 22,040.00
Status Pelantikan	: Pertukaran Sementara / Pinjaman / Kontrak
Kelayakan	: Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Madya dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) serta berpengalaman memimpin dan mengurus Pusat Tanggungjawab.



KRITERIA UMUM

Pemilihan Timbalan Naib Canselor secara umumnya mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

A. Kecemerlangan Akademik

Mempunyai kelayakan Ph.D merupakan satu kelebihan, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam aspek pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

B. Pengiktirafan Antarabangsa


Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

C. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Selain itu mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kemampuan calon.

D. Reputasi

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.



E. Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang mempunyai perwatakan yang dinamik, berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

KRITERIA KHUSUS


Seseorang calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria seperti berikut:

A. Berkemampuan Mengurus Urusan Berkaitan Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar

Mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar, terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan Universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.

B. Aktif Dalam Ko-kurikulum dan Berpengetahuan Dalam Mereka Bentuk dan Melaksanakan Ko-kurikulum Berkredit serta Program Pembangunan Pelajar Secara Holistik

Mahir dalam mereka bentuk ko-kurikulum berkredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut efektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.



C. Penglibatan dalam Jawatankuasa yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar


TNC (HEPA) akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Calon mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam. Calon perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/ rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

D. Berpengalaman dalam Menguruskan Kolej-kolej Kediaman

Mempunyai asas dalam pengurusan kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di Universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni). Calon mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan dapat melahir dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

E. Mempunyai Jaringan Hubungan Serta Dihormati Dalam Kalangan Alumni

Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dalam kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan Universiti.



PANDUAN PERMOHONAN

Sila kemukakan surat permohonan rasmi bersama-sama dokumen yang berikut :

- a. Ringkasan *Curriculum Vitae* (CV) Kepimpinan (*Leadership CV* TNC) seperti di lampiran;
- b. *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini berserta dokumen-dokumen yang berkaitan; dan
- c. *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) di UniMAP.

Permohonan hendaklah dihantar kepada: -

**Pendaftar,
Jabatan Pendaftar,
Universiti Malaysia Perlis,
Aras 1, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin,
Kampus Alam UniMAP Pauh Putra,
02600 Arau, Perlis.
(u.p. : Unit Perjawatan, Bahagian Sumber Manusia)
Emel: perjawatan@unimap.edu.my**

Tarikh tutup permohonan adalah pada **6 Mac 2026 (Jumaat), jam 5.00 petang.**

MAKLUMAN: Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklumbalas selepas 60 hari dari tarikh tutup iklan ini dianggap tidak berjaya.

Sebarang pertanyaan berhubung permohonan boleh dikemukakan kepada **Cik Norzaililah binti Zainoddin**, Timbalan Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Malaysia Perlis di talian 04-9414412 atau emel: zaililah@unimap.edu.my.

